

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI TIONG KING SING [BINTULU]**

**TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Dato' Sri Tiong King Sing [Bintulu]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah usaha Malaysia mengukuhkan kestabilan dan keselamatan ASEAN selepas penubuhan AUKUS?

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Bintulu** atas pertanyaan yang dikemukakan berhubung kerjasama keselamatan tiga hala antara Australia, United Kingdom dan Amerika Syarikat, yang dikenali sebagai AUKUS.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kerajaan sentiasa peka terhadap isu-isu yang melibatkan keselamatan, keamanan dan kestabilan rantau ini. Pendirian Kerajaan mengenai penubuhan AUKUS pada 16 September 2021 adalah jelas dan konsisten, berdasarkan kenyataan media oleh YAB Perdana Menteri pada 18 September 2021 berhubung isu ini.

4. Selain bimbang AUKUS boleh memangkin persaingan kuasa dan senjata di rantau ini, Kerajaan juga gusar sekiranya penubuhan AUKUS memprovokasi kuasa-kuasa besar yang lain untuk bertindak lebih agresif, terutamanya di Laut China Selatan. Sekiranya ini berlaku, negara-negara di rantau ini, termasuk Malaysia, akan berada dalam situasi yang rumit, dan usaha mengekalkan Laut China Selatan sebagai laluan perdagangan dan perairan yang aman akan menjadi sukar.

5. Justeru itu, Kerajaan sentiasa menyeru semua pihak di peringkat dua hala, serantau dan pelbagai hala untuk bekerjasama dalam mempertahankan Asia Tenggara sebagai rantau yang aman, stabil serta berkembang dan makmur. Ini selaras dengan prinsip yang digariskan di bawah *ASEAN Outlook on the Indo-Pacific*, Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN), Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ) dan Triti Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara (TAC). Dokumen-dokumen ini menggariskan tatacara menjalinkan hubungan di rantau Asia Tenggara dalam usaha untuk memastikan rantau ini kekal berkecuali, selamat, stabil dan aman.

6. Malaysia terus menyeru semua pihak untuk mengelakkan tindakan yang boleh menimbulkan ketegangan dan bersifat provokatif, mengamalkan *self-restraint*, dan mengelakkan tindakan berkaitan ketenteraan, atau *militarisation*. Pendirian ini juga telah disuarakan dengan konsisten di platform-platform serantau dan antarabangsa.

7. Saya sendiri telah mengulangi pendirian Malaysia berhubung AUKUS melalui beberapa sesi perbincangan dengan negara-negara AUKUS, termasuk semasa sesi percakapan telefon antara saya dengan Menteri Luar Negeri Australia pada 14 Oktober 2021. YB Menteri Kanan Pertahanan juga telah menjawab beberapa persoalan berkait keselamatan dan kapal selam berkuasa nuklear pakatan AUKUS dalam Dewan ini.

8. Di peringkat ASEAN, termasuk dalam penglibatan dengan Rakan-rakan Dialog ASEAN, Kerajaan akan terus mendokong prinsip Kepaksian ASEAN atau '*ASEAN Centrality*' dan mengetengahkan pandangan dan pendirian berprinsip Malaysia, terutamanya dalam usaha Malaysia menangani perkembangan isu politik-keselamatan semasa, termasuklah yang berkaitan dengan kerjasama AUKUS. Sebagai contoh, YAB PM sekali lagi telah mengulangi pendirian Malaysia mengenai AUKUS semasa dengan izin, *East Asia Summit* semalam, 27 Oktober 2021.

9. Akhir kata, Malaysia sentiasa mengambil inisiatif untuk mengimbangkan hubungannya dengan kuasa-kuasa besar melalui dialog bagi membincang serta menyelesaikan isu-isu berkepentingan bersama. Kementerian Luar Negeri akan memastikan bahawa komunikasi dengan kuasa-kuasa besar ini akan sentiasa terbuka dan berterusan. Kerajaan juga akan terus memastikan bahawa hak-hak negara berlandaskan undang-undang negara dan antarabangsa dihormati, dan Kerajaan Malaysia berupaya melindungi kepentingan negara tanpa melibatkan campur tangan kuasa asing.

Sekian, terima kasih.